

17/11/1997

Amerika henti siasat Petronas

GEORGETOWN, Ahad - Kerajaan Amerika Syarikat dikatakan sudah menghentikan siasatan berhubung isu pelaburan syarikat minyak Petronas di Iran, kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau dimaklumkan berhubung perkara itu ketika menemui Kaunselor Hal Ehwal Politik Kedutaan Amerika di ibu negara, Jeffrey J Lunstead, baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, kedatangan wakil kerajaan AS ke negara ini, semata-mata untuk menjelaskan mengenai akta negara berkenaan berhubung sekatan terhadap Iran dan Libya.

Menurutnya, pengesahan pegawai kedutaan Amerika Syarikat itu juga membuktikan ketidakseimbangan laporan akhbar luar negara yang dipetik di Rom sebelum ini mengenai tindakan AS menyiasat rancangan syarikat minyak dan gas nasional melabur di Iran itu.

Katanya, langkah AS menghentikan siasatan itu menampakkan suatu petanda positif dan sekali gus menunjukkan kuasa besar dunia itu juga menghormati pendirian negara ini yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Lunstead memaklumkan bahawa tindakan siasatan itu tidak timbul lagi sebaliknya wakil kerajaannya ke sini untuk menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai akta sekatan AS kepada Iran dan Libya dan bukan berbentuk penyiasatan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Seminar Bimbingan Usahawan di Batu Feringghi, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Ahmad Zahid berkata, pihaknya akan bertindak dengan lebih tegas jika mendapati masih wujud unsur-unsur siasatan dijalankan pihak AS berhubung isu berkenaan.

"Lebih baik mereka menghentikan sahaja tindakan itu dan tidak campur tangan," katanya.

Sebelum ini, Pemuda turut menghantar e-mail kepada semua ahli kongres AS untuk menjelaskan sokongan padu semua pihak termasuk pemimpin parti pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara ini terhadap Dr Mahathir.

Malah, utusan menerusi Internet itu turut meminta ahli kongres berkenaan mempertimbangkan untuk mengetepikan resolusi yang dibawa 27 anggotanya yang mendesak meminta Dr Mahathir meminta maaf atau meletak jawatan.

"Jika benar Presiden AS, Bill Clinton ikhlas untuk menjalinkan hubungan dengan Malaysia, mereka seharusnya menghormati pemilihan Dr Mahathir dan membatalkan resolusi itu dengan menggunakan kuasa vetonya," katanya.

(END)